



BULETIN MOT

Memacu Pengangkutan MADANI & Lestari | Sorotan Aktiviti, Program & Inisiatif Jul–Dis 2025



◀◀◀◀ 25 OGOS 2025

PERASMIAN PERKHIDMATAN TREN ELEKTRIK (ETS3) & LAMAR REL MAHKOTA



11-13 NOVEMBER 2025

Transport Expo Asia (TXA)
2025



01 JULAI 2025

KLIA AEROTRAIN Ditingkatkan,
Perjalanan Lebih Pantas &
Selesa



28-29 SEPTEMBER 2025

Mini Karnival
Kementerian Pengangkutan
(MOT) 2025



Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara

Sustainable Transport the Heart Of National Development

KLIA AEROTRAIN DITINGKATKAN PERJALANAN LEBIH PANTAS DAN SELESA



01 JULAI 2025 - Perkhidmatan KLIA Aerotrain kini lebih pantas dan selesa selepas peningkatan bernilai RM456 juta di bawah Pelan Transformasi MAHB bernilai RM742 juta. Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri menguji tren tanpa pemandu yang dimodenkan ini, yang kini menggunakan set kereta Alstom Innovia APM 300R, mampu memuatkan 270 penumpang dan bergerak sehingga 56 km/j, menjadikan perjalanan antara Terminal Utama dan Satelit kurang daripada tiga minit.



Sistem baru ini dilengkapi pemantauan keadaan canggih untuk mengurangkan gangguan, meningkatkan kecekapan operasi dan keselesaan penumpang. Selepas enam bulan ujian teknikal dan keselamatan yang ketat oleh APAD, Aerotrain yang kini beroperasi sepenuhnya dijangka menyokong pertumbuhan trafik penumpang KLIA menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 serta memperkukuh kedudukan KLIA sebagai hab penerbangan serantau utama.

SESI MAJLIS IMO KE-134 DI LONDON

07 - 11 JULAI 2025



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@ministryoftransportmy](#)

SESI LIBAT URUS PASCA MESYUARAT KHAS JEMAAH MENTERI MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KE-13 (RMK13)

09 JULAI 2025 - Sesi libat urus pasca Mesyuarat Khas Jemaah Menteri mengenai Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bersama YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, dan YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II yang menjalankan tugas Menteri Ekonomi. Sesi ini membincangkan keutamaan strategik sektor pengangkutan untuk lima tahun akan datang, termasuk cadangan berimpak tinggi, keperluan infrastruktur, dan pemerkasaan sistem pengangkutan awam yang mampan. Meningkatkan ketersambungan, kebolehcapaian dan kebolehpercayaan;

Turut hadir Timbalan Menteri Pengangkutan, YBhg. Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah, serta pengurusan tertinggi dan pegawai daripada kedua kementerian. Libat urus ini menegaskan komitmen Kerajaan memastikan RMK13 bersifat menyeluruh, inklusif, dan berpaksikan rakyat, selaras dengan visi Malaysia MADANI.

PENUBUHAN JAWATANKUASA SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MARITIM MALAYSIA (MLRRC)

10 JANUARI 2025 - Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menubuhkan Jawatankuasa Semakan dan Pembaharuan Undang-Undang Maritim Malaysia (MLRRC) bagi memperkasa landskap perundangan maritim negara.



Diketuai YA Tan Sri Datuk Nallini Pathmanathan bersama 23 ahli tetap dan 8 pakar *Ad Hoc*, jawatankuasa ini akan menumpukan semakan enam instrumen utama serta cadangan penambahbaikan undang-undang maritim lain. Langkah ini sejajar dengan Dasar Pengangkutan Negara dan agenda reformasi perundangan, memastikan sistem perundangan maritim Malaysia moden, inklusif dan selaras amalan antarabangsa.

MAJLIS PENEMBUSAN TEROWONG ECRL GENTING

12 JULAI 2025 - Majlis Penembusan Terowong ECRL Genting telah berlangsung dengan jayanya, menandakan kejayaan pengorekan terowong sepanjang 16.39 km — terowong terpanjang dalam jajaran ECRL dan bakal menjadi terowong rel terpanjang di Asia Tenggara. Projek ini menggunakan teknologi Tunnel Boring Machine (TBM) terkini dan kaedah “gerudi dan letup”, menyempurnakan fasa pembinaan 41 terowong sepanjang 665 km jajaran ECRL dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang.



Selaras prinsip Malaysia MADANI, reka bentuk terowong ini mengurangkan impak terhadap alam sekitar, mengekalkan kecerunan landasan optimum, dan membolehkan tren penumpang bergerak sehingga 160 km/j, manakala tren kargo 80 km/j, sambil memastikan operasi ECRL selamat dan lancar sepanjang tahun.

MALAYSIA MARITIME WEEK (MMW) 2025

15-18 JULAI 2025 - Maritim merupakan tulang belakang perdagangan global, dan Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai hab maritim utama dengan Pelabuhan Klang dan Tanjung Pelepas yang diiktiraf antarabangsa. Walaupun menghadapi ketidakpastian global termasuk perubahan dasar perdagangan dan pasaran mata wang, negara mencatat prestasi perdagangan terbaik pada 2024 dengan jumlah perdagangan RM2.879 trilion. Selaras tema IMO 2025, “*Our Ocean, Our Obligation, Our Opportunity*”, Malaysia giat memajukan kelestarian maritim melalui Marine Spatial Planning, inisiatif dekarbonisasi perkapalan, serta promosi bahan api alternatif seperti LNG, hidrogen dan metanol.



Di peringkat domestik, Dasar Maritim Malaysia 2026–2040 akan memperkukuh sektor perkapalan tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada kapal asing, serta menekankan digitalisasi dan inovasi hijau. Malaysia juga kekal aktif di pentas antarabangsa, termasuk pencalonan semula ke Majlis IMO dan pemilihan sebagai Ahli IALA 2025–2027, menegaskan komitmen negara terhadap keselamatan maritim, navigasi berkesan dan pembangunan lestari.



PELANTIKAN SYARIKAT BAHARU PPKM BAGI PEMERIKSAAN TUKAR HAK MILIK (M.V.15)

16 JULAI 2025 - Kementerian Pengangkutan (MOT) melantik syarikat baharu bagi melaksanakan perkhidmatan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) khusus untuk pemeriksaan tukar hak milik kenderaan persendirian (M.V.15). Inisiatif ini bertujuan mengurangkan kesesakan di PUSPAKOM serta memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan dengan lebih cepat dan selesa. Antara syarikat terpilih ialah Carro Technology, Carsome Academy, Wawasan Bintang dan Beriman Gold, dengan lesen operasi diberikan selepas memenuhi syarat dalam tempoh 12 bulan, seterusnya mewujudkan persaingan sihat dan meningkatkan kualiti perkhidmatan demi keselamatan jalan raya.

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN DI PULAU PINANG

17 JULAI 2025



PELANCARAN BAS.MY KOTA SETAR & KANGAR

28 JULAI 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia melancarkan BAS.MY Kota Setar dan BAS.MY Kangar melibatkan 13 laluan dengan 48 bas baharu bersifat mesra OKU, dilengkapi CCTV, paparan LED, dan pembayaran tanpa tunai. Perkhidmatan ini turut memperkenalkan Kad 30 Hari BAS.MY (RM50/bulan) dan Kad Konsesi percuma untuk warga emas, OKU, dan pelajar. BAS.MY Medik disediakan bagi penumpang mobiliti terhad ke tujuan perubatan.



Kerajaan memperuntuk RM78.5 juta bagi 5 tahun untuk memastikan operasi cekap, selamat, dan menarik rakyat menggunakan pengangkutan awam. Semua laluan dipantau melalui GPS dan prasarana hentian diselaraskan oleh Kerajaan Negeri dan PBT.

MAJLIS RESEPSI BAGI YB MENTERI PENGANGKUTAN BERSAMA PERWAKILAN ASING

05 OGOS 2025 - Malaysia meraikan pencalonannya sebagai Ahli Majlis ICAO (2025–2028) dan IMO (2026–2027) melalui majlis resepsi bersama lebih 100 perwakilan asing di Kuala Lumpur, menekankan komitmen negara terhadap pengangkutan udara dan maritim yang selamat, mampan, dan inklusif.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@](#) [ministryoftransportmy](#)



PEMETERAIAN LETTER OF AGREEMENT EMPTA & WWF-MALAYSIA SEMPENA WORLD ELEPHANT DAY

11 OGOS 2025 - Keselamatan Jalan Raya & Pemuliharaan Hidupan Liar; MOT menyaksikan pemeteraian Letter of Agreement EMPTA & WWF-Malaysia sempena World Elephant Day. Inisiatif ini memastikan jalan raya selamat untuk pengguna dan hidupan liar, termasuk pengurusan kelajuan & pelaksanaan *Speed Limitation Device* (SLD) untuk kenderaan perdagangan mulai 1 Okt 2025.



Menuju jalan raya selamat, lestari & mesra alam.

SULTAN SELANGOR RASMI MENARA DIUS API JABATAN LAUT MALAYSIA


14 OGOS 2025 - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, merasmikan Menara Dius Api (12 tingkat) di Ibu Pejabat Jabatan Laut Malaysia, projek bernilai RM93.6 juta. Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, berkata menara ini meningkatkan kecekapan *Vessel Traffic Service* (VTS) dalam mengurus ribuan kapal setiap hari di Selat Melaka, memastikan keselamatan pelayaran, kelancaran perdagangan global, dan pengurusan kecemasan maritim.



Kemudahan baharu ini juga memperkukuh kerjasama antara MOT, JLM, agensi kerajaan dan industri maritim.

PROGRAM KIBARKAN JALUR GEMILANG KOMUNITI PELABUHAN KLANG

16 OGOS 2025



MAJLIS PECAH TANAH IPOH SENTRAL

17 OGOS 2025 - YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, merasmikan pecah tanah pembangunan Ipoh Sentral, hab pengangkutan moden berkonsep Transit Oriented Development (TOD). Projek bernilai RM6.2 bilion di atas tanah seluas 66 ekar ini bakal menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, memacu ekonomi, pelancongan, dan kesejahteraan rakyat. Ia juga menyokong Perak Smart City 2030, membuka peluang pekerjaan, dan menjadikan Ipoh pintu masuk strategik ke wilayah tengah Malaysia.



Bersama, kita realisasikan transformasi Ipoh ke arah bandar lestari, inklusif dan berdaya saing.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@ministryoftransportmy](#)



YANG DI-PERTUAN AGONG PANDU ETS KUALA LUMPUR–RAWANG

19 OGOS 2025 - KDYMM Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan memandu Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) KTMB dari Kuala Lumpur ke Rawang dan kembali, mengambil masa satu jam.



Baginda menerima taklimat pemanduan daripada kapten ETS dan pegawai KTMB, bersama pegawai tinggi Kementerian Pengangkutan dan Istana Negara. Peristiwa ini menandakan Sultan pertama di Malaysia yang memegang Lesen Memandu Lokomotif Berkuasa Tinggi Kelas 26, dengan rekod pemanduan kereta api sejauh 391.3 km dalam program terdahulu.

Sultan Ibrahim juga melakukan prosedur “turn table” memusingkan lokomotif 86 tan di Stesen Gemas dalam masa 10 minit, sekali gus mencipta sejarah tersendiri bagi monarki Malaysia.

FIRST WOMEN’S SUMMIT & CVII LACAC MEETING DI GUATEMALA CITY

18-20 OGOS 2025 - YBhg. Dato’ Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT mengetuai delegasi Malaysia ke First Women’s Summit & CVII LACAC Meeting di Guatemala City yang menghimpunkan wakil dari 22 negara Amerika Latin serta jemputan khas dari Mesir, Qatar, Jepun, Singapura dan Malaysia. Malaysia menekankan penglibatan wanita dalam sektor penerbangan, inisiatif pemerkasaan wanita oleh MAG, AirAsia & MAHB, serta sokongan terhadap aspirasi ICAO berkaitan kesaksamaan gender.



Delegasi turut mengadakan mesyuarat dua hala bagi memperkukuh kerjasama dan menyokong pencalonan semula Malaysia sebagai Ahli Majlis ICAO 2025–2028 (Kategori III).

PERASMIAN LAMAN REL MAHKOTA DI KLUANG, JOHOR DARUL TA'ZIM

23 OGOS 2025 - KDYMM Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan melancarkan Perkhidmatan Tren Elektrik ETS3 di Stesen Kuala Lumpur dan merasmikan Laman Rel Mahkota di Kluang, Johor, menandakan detik bersejarah bagi sistem rel negara. ETS3, tren elektrik generasi baharu berkelajuan hingga 140 km/j, dilengkapi teknologi moden dan sistem keselamatan bertaraf antarabangsa.



Manakala Laman Rel Mahkota sepanjang 2.8 km menggabungkan warisan Keretapi Kluang sejak 1909 dengan elemen moden, landskap hijau dan kemudahan mesra rakyat, memperkukuh mobiliti, pembangunan wilayah dan kesejahteraan generasi akan datang.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN SEMPENA BULAN KEBANGSAAN & ULANG TAHUN RAC KE-33

26 OGOS 2025 - MOT dan RAC menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan Sempena Bulan Kebangsaan & Ulang Tahun RAC Ke-33, disempurnakan YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook. Program bertema "Mobiliti Mampan Aspirasi MADANI" menonjolkan pencapaian MOT seperti TXA 2025, RTS Link, Pas My50, KLIA Aerotrains, VEP, SBST, ETS3 & Laman Rel Mahkota, serta pencalonan Malaysia di ICAO & IMO.



Majlis turut meraikan sumbangan RAC, penyerahan sijil, kit Jalur Gemilang, dan kenderaan EV bagi menyokong mobiliti rendah karbon, sekali gus memupuk patriotisme dan memacu sistem pengangkutan moden berteraskan aspirasi Malaysia MADANI.





MESYUARAT MAJLIS KONSULTASI PENERBANGAN NEGARA (NACC) 2025

27 OGOS 2025 - Mesyuarat Majlis Konsultasi Penerbangan Negara (NACC) 2025 dipengerusikan YB Menteri Pengangkutan pada 27 Ogos 2025 di Kuala Lumpur dengan kehadiran 95 peserta dari kementerian, agensi, pengendali lapangan terbang, syarikat penerbangan dan pemain industri.



Mesyuarat menumpukan usaha menjadikan KLIA, LTAPP, LTAKK dan LTAS sebagai hab kargo, meningkatkan kecekapan operasi, menyokong karbon sifar bersih 2050 melalui SAF, serta menekankan rasionalisasi CAAM dan MAVCOM menjadikan CAAM sebagai badan kawal selia tunggal. Prestasi kargo Malaysia meningkat 4.4% pada suku kedua 2025, menandakan komitmen negara memperkukuh daya saing penerbangan ke arah hab mampan serantau.

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 1447H / 2025M

16 OGOS 2025



45TH ASEAN RAILWAYS CEOS' CONFERENCE

09 SEPTEMBER 2025 - Malaysia menjadi tuan rumah 45th ASEAN Railways CEOs' Conference di Kuala Lumpur, mempertemukan pemimpin industri rel ASEAN untuk memperkukuh kerjasama, memajukan mobiliti hijau, dan merangka pengangkutan serantau yang mampan dan berdaya saing. Acara ini menyokong ASEAN Community Vision 2045 dan Rancangan Malaysia Ke-13 (2026–2030).



YBTimbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi Habibollah menegaskan, "Bersama-sama, kita bukan sahaja menggerakkan barang dan penumpang; kita memperkukuh daya tahan serantau, mengurangkan kebergantungan rantaian bekalan luar, dan mempertingkatkan kedudukan ASEAN di persada global."

KEMPEN KLIK SEBELUM GERAK

11 SEPTEMBER 2025 - JPJ melancarkan Kempen Klik Sebelum Gerak bagi menekankan pemakaian tali pinggang keledar oleh semua pemandu dan penumpang. Ketua Pengarah JPJ, YBhg. Dato' Aedy Fadly Ramli, menegaskan langkah ini boleh mengurangkan risiko kematian sehingga 50% menurut kajian MIROS dan bertujuan menjadikan pemakaian tali pinggang keledar sebagai norma keselamatan nasional.



Pelancaran turut diadakan selepas Sesi Libat Urus Agensi Kerajaan yang dirasmikan Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@ministryoftransportmy](#)



CAAM MELANGKAH KE ERA BAHARU!


17 SEPTEMBER 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, merasmikan identiti korporat baharu CAAM, menandakan komitmen Malaysia memperkukuh pengawalan sektor penerbangan secara moden, bebas dan sejajar dengan amalan antarabangsa.



Menteri menekankan bahawa identiti baharu ini adalah “janji baharu” untuk memastikan langit Malaysia selamat dan industri penerbangan negara teguh. Majlis turut dihadiri kepimpinan MOT, pengurusan CAAM dan pemain industri penerbangan.

MENGHUBUNGKAN DUNIA, MEMACU EKONOMI

18 SEPTEMBER 2025 - YB Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook, menekankan kerjasama KLIA–Zhengzhou Airport melalui model *twin hub*, dengan volum kargo meningkat ketara. Pelancaran Selangor Aero Park @ KLIA Aeropolis menandakan Malaysia sebagai hab logistik serantau, menyokong e-dagang, eksport, dan pekerjaan berkemahiran tinggi. Projek ini memperkukuh rantai bekalan, inovasi industri, dan hubungan ekonomi dengan China, selari dengan inisiatif *Air Silk Road*.



PERASMIAN JOINT AGENCY TRAFFIC COMMANDERS ROAD SAFETY LEADERSHIP SEMINAR 2025 ANJURAN GLOBAL ROAD SAFETY PARTNERSHIP DENGAN SOKONGAN BLOOMBERG PHILANTHROPIES DI KUALA LUMPUR

24 SEPTEMBER 2025



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK MENAIK TARAF LAPANGAN TERBANG TAWAU

26 SEPTEMBER 2025 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia, telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Tawau bernilai RM120.9 juta. Projek ini akan meningkatkan kapasiti penumpang daripada 1.5 juta ke 2.5 juta setahun, memperluas terminal, menaik taraf apron, sistem IT penerbangan, dan kemudahan moden seperti kaunter daftar masuk tambahan, ruang komersial, tandas & surau.



Apabila siap, lapangan terbang ini bakal lebih selamat, selesa dan moden, merencanakan pelancongan, perdagangan serta memperkukuh Tawau sebagai pintu masuk strategik ke Kalimantan Timur, selaras dengan agenda Malaysia MADANI.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@ministryoftransportmy](#)



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) 2.0 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

26 SEPTEMBER 2025



MAJLIS PRA PELANCARAN BAS.MY KOTA KINABALU

27 SEPTEMBER 2025



HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2025

28 SEPTEMBER 2025



PERASMIAN TERMINAL BERSEPADU GOMBAK

29 SEPTEMBER 2025 - YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, telah merasmikan Terminal Bersepadu Gombak (TBG) bernilai RM307.4 juta, hab pengangkutan darat moden yang menghubungkan bas ekspres, LRT Kelana Jaya dan bakal bersambung dengan Stesen ECRL Gombak.



Dengan sistem tiket berpusat, operasi terminal masa nyata dan kapasiti 700 perjalanan bas sehari, TBG dijangka menampung 25,000 penumpang harian, sekaligus memperkukuh pengangkutan awam inklusif dan cekap selaras aspirasi Malaysia MADANI.





MINI KARNIVAL MOT

29 SEPTEMBER 2025 - Mini Karnival MOT 2025 di TBG melabuhkan tirai dengan penuh gemilang selepas dua hari penganjuran! Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga MOT, jabatan, agensi, serta rakan strategik atas dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Usaha gigih anda semua menjadikan Hari Bertemu Pelanggan & Pameran Kerjaya ini penuh warna-warni, meriah, dan mendapat sambutan hangat daripada pengunjung sepanjang dua hari acara berlangsung.



MOT RAIH PENARAFAN “PLATINUM” PENGURUSAN ADUAN AWAM 2025

30 SEPTEMBER 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menerima penarafan tertinggi “PLATINUM” dalam Naziran Pengurusan Aduan Awam 2025 oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri.



Pengiktirafan ini hasil usaha padu Unit Pengurusan Aduan MOT bersama semua jabatan dan agensi di bawahnya, menekankan pengurusan aduan yang cekap, telus, dan mesra rakyat. Pencapaian ini mengukuhkan komitmen MOT terhadap *good governance* dan aspirasi Kerajaan MADANI.

BENGGEL SEMAKAN SEPARUH PENGGAL DPN2030

02-03 OKTOBER 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menganjurkan bengkel bagi menilai pencapaian Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030 (DPN2030) dan memastikan hala tuju dasar kekal relevan. Program ini menghimpunkan 17 kementerian, 4 jabatan/agensi luar MOT, 9 bahagian MOT, dan 23 jabatan/agensi di bawah MOT.



Bengkel ini menyokong agenda Ekonomi MADANI, RMKe-13, Belanjawan 2026, serta inisiatif pembangunan negara. Hasilnya akan dirumuskan sebagai Pelaporan Semakan Separuh Penggal DPN2030 sebagai panduan strategik sektor pengangkutan, dengan sokongan rakan strategik MOT, Perbadanan Aset Keretapi (RAC).





KURSUS JURUAUDIT DALAMAN MS ISO 37001:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

02 OKTOBER 2025



GREEN BUNKERING REGULATORY ROADMAP: TOWARDS A NATIONAL POLICY" WORKSHOP

03 OKTOBER 2025



PERASMIAN STESEN LRT BANDARAYA-UOB

03 OKTOBER 2025 - Kementerian Pengangkutan dan UOB Malaysia meraikan penjenamaan semula stesen ini sebagai simbol kerjasama awam-swasta dalam memperkukuh mobiliti bandar dan pembangunan lestari.



Inisiatif ini menyokong Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030, meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, mengurangkan kos kerajaan, dan memberi manfaat kepada pengguna, sambil mempromosikan inisiatif hijau seperti U-Drive.

PELANCARAN HAB SERANTAU INTRA-ASIA TAILWIND DI PELABUHAN KLANG

09 OKTOBER 2025 - Pelabuhan Klang mencatat detik bersejarah dengan pelancaran Hab Serantau Intra-Asia Tailwind, disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.



Ditubuhkan pada 2022 oleh peruncit Eropah, Tailwind berkembang pesat menghubungkan Asia dan Eropah, menjadikan Pelabuhan Klang sebagai hab strategik untuk pemindahan muatan, sekaligus mengukuhkan peranan Malaysia sebagai pintu gerbang perdagangan global dan pusat logistik serantau.





MAJLIS PENYERAHAN LESEN MEMAMDU MYLESEN B2 NEGERI PERAK 2025

11 OKTOBER 2025 - Seramai 650 peserta daripada pelajar sekolah, IPTA, dan belia B40 Negeri Perak menerima lesen memandu motosikal B2 secara percuma melalui Program MyLesen B2 anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).



Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam membantu golongan muda dan berpendapatan rendah, sambil mempromosikan keselamatan jalan raya melalui pemandu yang berlesen, berkemahiran dan bertanggungjawab.

BENGGEL PENGUKUHAN KEPIMPINAN STRATEGIK: INTEGRITI PELAKSANAAN GELOMBANG KEEMPAT

10 - 12 OKTOBER 2025



KTMB SEMARAKKAN PERAYAAN DEEPAVALI DENGAN EDARAN PEK ISTIMEWA DI KL SENTRAL

16 OKTOBER 2025



HARI DIGITAL MOT 2025

16 OKTOBER 2025 - Hari Digital MOT 2025 bertemakan “AI dan Keselamatan Siber – Pemacu Reformasi Digital Pengangkutan” menekankan penggunaan teknologi baharu untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan keselamatan siber sektor pengangkutan. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Dr. Nor Fuad Abd. Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) merangkap Ketua Pegawai Digital MOT, di mana MOT turut menerima Pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2022 sehingga 2028. Program ini menampilkan sesi perkongsian ilmu dan reruai pameran oleh syarikat ICT terkemuka, mempamerkan inovasi terkini dalam AI, keselamatan siber, pengkomputeran awan dan transformasi digital.



www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [i](#) [ministryoftransportmy](#)



HARI SUKAN NEGARA MOT 2025: SEMANGAT SIHAT, PRESTASI CEMERLANG!

25 OKTOBER 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia meraikan Hari Sukan Negara 2025 pada 25 Oktober di Padang Bola Sepak Pantai, Presint 4, Putrajaya.



Warga kementerian berganding tenaga menyertai pelbagai aktiviti menyeronokkan termasuk Pound Fitness, Lake Side Walk sejauh 5 km, sukan rakyat dan penyampaian hadiah KSKKP Games 2025, sambil menikmati pemeriksaan kesihatan oleh LPPKN – memupuk gaya hidup sihat dan semangat kerjasama!



SHIFT 2025: KESELAMATAN & INOVASI HOLISTIK KENDERAAN MASA DEPAN

28-30 OKTOBER 2025 - Persidangan SHIFT 2025 bertemakan “Local Landscape, Global Standard” menghimpunkan pakar keselamatan jalan raya, penyelidik dan penggiat industri automotif global untuk membincangkan inovasi dan piawai keselamatan masa depan. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Datuk Haji Hasbi Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, bersama tokoh antarabangsa.



Antara sorotan utama termasuk Anugerah ASEAN NCAP 2025, MoU MIROS–UiTM–CATARC, serta pelancaran dua inovasi baharu: ASEAN Motorcycle Target (AMT) dan ASEAN Child Presence Detection (CPD). Lebih 50 kertas penyelidikan dibentangkan, menegaskan komitmen pengurangan 50% kadar kematian jalan raya menjelang 2030. SHIFT 2025 menjadi platform utama memperkukuh kolaborasi, penyelidikan dan inovasi untuk kenderaan lebih selamat, pintar dan berdaya tahan.

HARI INTEGRITI MOT 2025 “INTEGRITI TERAS KESEJAHTERAAN NEGARA”

16 OKTOBER 2025



MESYUARAT PASUKAN PETUGAS LOGISTIK KEBANGSAAN (NLTF) BIL. 2/2025

31 OKTOBER 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia menekankan transformasi sektor logistik melalui peralihan mod pengangkutan darat dari jalan raya ke rel dan pemerkasaan kargo udara, bertujuan mengurangkan kesesakan, menurunkan jejak karbon, dan meningkatkan daya saing kos logistik.

Infrastruktur rel bakal dinaik taraf termasuk landasan utama, depoh, serta terminal hab kargo dan sambungan spur line untuk memastikan ketersambungan awal dan akhir (*first and last mile*) lancar. Bagi kargo udara, KLIA akan dijadikan hab serantau dan pusat transshipment melalui penyelarasan dasar bersama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), selaras Dasar Pengangkutan Negara 2019–2030 dan kerjasama strategik di bawah *Air Silk Road* dan *oneworld alliance*, bagi mewujudkan ekosistem logistik yang cekap, selamat, dan mampan.



MAJLIS PEMBUKAAN ASEAN FUTURE LOGISTICS 2025 (AFL2025)

31 OKTOBER 2025 - ASEAN Future Logistics 2025 (AFL2025) yang dirasmikan YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab logistik ASEAN, dengan fokus kepada pembangunan logistik inklusif, mampan dan berdaya saing melalui transformasi hijau, digital, dan kerjasama serantau.



MESYUARAT RTS LINK BILATERAL COMMITTEE (RTSBC) KE-13

03 NOVEMBER 2025 - Mesyuarat RTS Link Bilateral Committee (RTSBC) ke-13 antara Malaysia dan Singapura telah diadakan di Mandai Rainforest Resort, Singapura, dipengerusikan oleh Ketua Pengarah APAD, Datuk Azlan Shah Al Bakri bersama wakil Singapura. Mesyuarat membincangkan kemajuan Projek RTS Link yang bakal menghubungkan Bukit Chagar, Johor Bahru dengan Woodlands, Singapura, sebagai simbol kerjasama erat kedua-dua negara.



PERASMIAN MAERSK MEGA DISTRIBUTION CENTRE (MEGA DC)

05 NOVEMBER 2025 - Malaysia terus bergerak ke arah menjadi hab logistik serantau dengan perasmian Maersk Mega Distribution Centre (Mega DC) di Shah Alam oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan. Kemudahan berteknologi tinggi ini, hasil kerjasama lebih 50 tahun bersama Maersk, mengintegrasikan pelabuhan, lebuh raya dan rangkaian rel untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai Logistics Gateway to Asia, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



Majlis Cahaya Kasih MADANI

Kementerian Pengangkutan Tahun 2025

"Cahaya Kasih, Harapan MADANI"

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER & CAHAYA KASIH MADANI 2025 "CAHAYA KASIH, HARAPAN MADANI"

06 NOVEMBER 2025



MESYUARAT NSPC 2025



06 NOVEMBER 2025 - Mesyuarat NSPC 2025 menekankan kepentingan sektor maritim dalam ekonomi Malaysia, dengan rekod perdagangan dan pengiktirafan pelabuhan utama dunia. Kerajaan merancang memperkasakan industri perkapalan melalui pembiayaan kapal, pembangunan industri, reformasi undang-undang, latihan maritim, dan dasar hijau, termasuk penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Perkapalan Malaysia (MSDF) untuk menyokong pertumbuhan lestari dan menjadikan Malaysia hab maritim serantau yang kompetitif.



MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PELAUT & RUMAH API 2025

08 NOVEMBER 2025 - Majlis Perasmian Karnival Pelaut & Rumah Api 2025 telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah di Marina Putrajaya. Acara dua hari anjuran Jabatan Laut Malaysia ini meraikan jasa wira maritim, menekankan kepentingan rumah api dan keselamatan pelayaran, serta mempromosikan kesejahteraan pelaut. Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk pengunjung termasuk pameran interaktif, demonstrasi keselamatan laut, pertandingan, persembahan pentas, dan cabutan bertuah, menjadikan karnival ini pengalaman pendidikan dan hiburan yang menyeluruh sambil memperkukuh kecemerlangan sektor maritim negara.






TRANSPORT EXPO ASIA 2025 (TXA 2025)

11-13 NOVEMBER 2025 - Transport Expo Asia 2025 (TXA 2025) menandakan satu era baharu transformasi pengangkutan dan logistik Malaysia. YB Loke Siew Fook menegaskan TXA bukan sekadar pameran, tetapi platform strategik untuk menjadikan Malaysia kuasa penggerak logistik serantau di bawah tema "Future on the Move". Empat teras utama diperkukuh: digitalisasi pintar, pengangkutan lestari, logistik tangkas melalui rantaian bekalan multimodal, dan amalan ESG yang beretika.

Pencapaian cemerlang Malaysia dalam Indeks Prestasi Logistik (LPI) 2023, melonjak ke tangga ke-26 global dan kedua di ASEAN, menegaskan kedudukan negara sebagai hub logistik berdaya saing. Projek mega seperti East Coast Rail Link, Johor Bahru-Singapore RTS Link, lesen memandu digital, Malaysia Maritime Single Window, pembangunan kenderaan elektrik serta Malaysia Aviation Decarbonisation Blueprint memperkukuh visi kerajaan untuk pengangkutan pintar, hijau dan bersepadu, menyokong pertumbuhan mampan di seluruh Asia.



MYLESEN B2 LEBIH 1,000 PENDUDUK LIMBANG NIKMATI MANFAAT

16 NOVEMBER 2025 - Seramai 1,115 penduduk Limbang menerima Lesen Memandu Kelas B2 secara percuma melalui Program MyLesen B2 JPJ, menunjukkan komitmen Kerajaan MADANI membantu golongan sasaran. Majlis perasmian disempurnakan YB Datuk Haji Hasbi Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, dan dihadiri pegawai JPJ serta pemimpin setempat. Program ini menekankan pembangunan sosial inklusif dan sokongan berterusan MOT serta JPJ.



MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI KESELAMATAN DAN KESEKAPAN JALAN RAYA JK-MKKJR BIL. 2/2025

17 NOVEMBER 2025 - Mesyuarat JK-MKKJR Bil. 2/2025 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, menekankan usaha menangani kemalangan maut dan kesesakan lalu lintas melalui penguatkuasaan bersepadu, pemeriksaan muatan, pemasangan SLD/HS-WIM, serta peruntukan RM15.5 bilion untuk naik taraf jalan dan lampu LED, selaras Pelan Hala Tuju ITS Malaysia 2030, demi mewujudkan sistem mobiliti yang lebih selamat, pintar dan mampan.





PERHIMPUNAN AGUNG INTERNATIONAL MARITIME ORGANIZATION (IMO) SESI KE-34 (A34)

24 NOVEMBER 2025 - Malaysia kekal di Majlis IMO! Malaysia sekali lagi berjaya mempertahankan kerusi Majlis IMO Kategori C bagi penggal 2026–2027, menjadikannya kemenangan untuk 11 penggal berturut-turut.

Mendapat 129 undi daripada 171 undian sah, pencapaian ini mencerminkan keyakinan komuniti maritim antarabangsa terhadap peranan Malaysia dalam keselamatan maritim, perlindungan alam sekitar dan pembangunan kapasiti global. Malaysia akan terus komited mengukuhkan penyertaan dalam program pembangunan kapasiti di bawah IMO dan memainkan peranan aktif dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Utama IMO.

SESI TOWNHALL PERTAMA MALAYSIA CRUISE COUNCIL (MCC)

04 DISEMBER 2025 - MOT melalui Pusat Logistik Negara (PLN) mengadakan Sesi Townhall pertama Malaysia Cruise Council (MCC) bagi memperkukuh ekosistem pelayaran negara dan menjadikan Malaysia destinasi cruise utama di Asia Tenggara. Dengan lebih 1,000 ketibaan kapal dan 1.5 juta pelancong direkodkan pada 2023, sesi ini memberi tumpuan kepada isu imigresen, pembangunan produk pelancongan dan infrastruktur terminal, selain membincangkan insentif industri oleh MyCEB. MOT komited bekerjasama dengan pemain industri bagi meningkatkan daya saing dan menarik lebih banyak ketibaan cruise ke Malaysia.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK TOD SEREMBAN SENTRAL

06 DISEMBER 2025 - Majlis Pecah Tanah Projek TOD Seremban Sentral menandakan satu lagi detik bersejarah buat Bandar Raya Seremban melalui pembangunan bersepadu oleh RAC dan Kumpulan Sunway yang bakal mentransformasikan kawasan sekitar Stesen Keretapi Seremban seluas 20.8 ekar. Projek ini merangkumi Sunway Medical Centre Seremban (hospital moden 250 katil), pusat membeli-belah baharu bersaiz 1.2 juta kaki persegi, menara pejabat moden seluas 300,000 kaki persegi serta fasa kedua pembangunan kediaman, komersial dan kemudahan komuniti.



Identiti warisan bandar turut dipelihara melalui pemuliharaan Seremban Yard dan penaiktarafan Heritage Market. Dengan manfaat seperti 2,500 peluang pekerjaan, potensi hasil perniagaan RM300 juta setahun dan sokongan sehingga 6,000 pengguna harian, TOD Seremban Sentral bakal memacu Seremban sebagai bandar moden, mampan dan berdaya saing.

PROGRAM RANCAKKAN MADANI & KONVENSYEN NASIONAL REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM 2025

06 DISEMBER 2025 - Program tiga hari ini berjaya melabuhkan tirai dengan penyertaan lebih 5,000 pengunjung di reruai Kementerian Pengangkutan (MOT). Majlis penutup disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, bersama barisan kepimpinan MOT dan wakil agensi-agensi berkaitan.



Aktiviti popular seperti Pertukaran Topi Keledar dan MyLesen B2 mendapat sambutan hangat, sekaligus memperkukuh keselamatan jalan raya dan kesedaran pematuhan lesen. Terima kasih kepada semua yang hadir — sokongan anda menjadi pemangkin kepada usaha MOT mempertingkatkan sistem pengangkutan negara dan mutu perkhidmatan kepada rakyat.





MOT MELANCARKAN PROGRAM 3 MADANI PERINGKAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2025

06 DISEMBER 2025 - Kementerian Pengangkutan Malaysia melancarkan Program 3 MADANI yang merangkumi Santuni MADANI, Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI dalam usaha memperkasa komuniti. Majlis di Kampung Panchor ini telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, dengan pelbagai penambahbaikan infrastruktur serta perkhidmatan komuniti disediakan oleh agensi-agensi MOT dan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.

SMK Seri Ampangan turut diumumkan sebagai Sekolah Angkat dengan peruntukan RM100,000 bagi menaik taraf kemudahan pendidikan. MOT komited memastikan manfaat MADANI terus sampai kepada rakyat.



SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



29 OGOS 2025 (JUMAAT) | PUTRAJAYA

Kunjungan hormat kepada YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan daripada Menteri Perancangan dan Kerjasama Antarabangsa Guinea, TYT Ismael Nabe.



03 SEPTEMBER 2025 (RABU) | KUALA LUMPUR

Sesi Lawatan YBhg. Dato' Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan ke Terminal Besepadu Selatan



08 SEPTEMBER 2025 (ISNIN) | KUALA LUMPUR

Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah telah menerima kunjungan hormat oleh Duta Besar Republik Sudan ke Malaysia, TYT Ambassador Hassan Abdelsalam Omer.



SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



20 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | PULAU PINANG

Lawatan Kerja YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan

Majlis Pelancaran Pusat Dialisis PERKESO Seberang Jaya & Penyampaian Tajaan Lindung Kendiri



20 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | PULAU PINANG

Lawatan Kerja YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan

Pelancaran Program Professional Advancement in Trucking and Haulage (PATH)



20 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | PULAU PINANG

Lawatan Kerja YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan

Pelancaran Program Skim Strata Kenderaan Usang

SESI LAWATAN & KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (sambungan...)



20 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | PULAU PINANG
Lawatan Kerja YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan
Pelancaran Program Skim Strata Kenderaan Usang



26 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT) | MONTREAL, KANADA
Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah bersama YBhg. Dato' Jana Santhiran, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan telah melawat Pejabat Wakil Tetap Malaysia ke International Civil Aviation Organization (ICAO) dan Mesyuarat Dua Hala bersama Delegasi Rusia




23 OKTOBER 2025 (KHAMIS) | PUTRAJAYA
Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri Abu Bakar melakukan kunjungan hormat ke atas YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan



PENGANGKUTAN DARAT

JALAN RAYA



Pendaftaran
Kenderaan Baharu

Q3 2025 : 408,684
Q3 2024 : 404,383

Pendaftaran Kenderaan
Terkumpul

Q3 2025 : 39,112,476
Q3 2024 : 37,564,171

3 Jenis Kenderaan Pendaftaran
Kenderaan Baharu Utama

01 Motokar

Q3 2025 : 199,885
Q3 2024 : 212,203

02 Motosikal


Q3 2025 : 183,149
Q3 2024 : 174,848

03 Kenderaan Barangan

Q3 2025 : 9,605
Q3 2024 : 10,488

REL

Jumlah Penumpang
Pengangkutan Rel




Q3 2025 : 94,839,483
Q3 2024 : 83,068,220

Jumlah Kendalian
Kargo ('000 Ton)*



Q3 2025 : 1,559
Q3 2024 : 1,584

Jumlah Kendalian
Kontena (TEUs)*



Q3 2025 : 112,277
Q3 2024 : 132,320

PENGANGKUTAN MARITIM

Jumlah Kendalian Kargo
di Pelabuhan ('000 FWT)



Q3 2025 : 150,175 0.
Q3 2024 : 159,913

Jumlah Kendalian Kontena
di Pelabuhan (TEUs)



Q3 2025 : 8,412,811
Q3 2024 : 7,974,657

PENGANGKUTAN UDARA

Jumlah Penumpang
Pengangkutan Udara



Q3 2025 : 27,763,460
Q3 2024 : 25,690,953

Jumlah Kendalian
Kargo (Metrik Ton)



Q3 2025 : 291,156
Q3 2024 : 276,561

Nota : *Dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Terima kasih

atas sokongan anda dalam menjayakan pelbagai inisiatif dan program sepanjang Januari hingga Disember 2025.

Kementerian Pengangkutan Malaysia komited menerajui ekosistem pengangkutan negara ke arah sistem yang lebih selamat, lestari dan inklusif selaras dengan agenda MADANI.

Teruskan bersama kami dalam perjalanan seterusnya.



**“Pengangkutan MADANI,
Mobiliti Rakyat, Negara Lestari”**

#MOTMADANI #PengangkutanUntukRakyat

www.mot.gov.my

[motmalaysia](https://www.facebook.com/motmalaysia) [ministryoftransportmy](https://www.instagram.com/ministryoftransportmy)

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara
Sustainable Transport The Heart Of National Development